

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 20 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dalam kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya yang bermula pada 15 September 2016 ini, semua kerusi Parlimen telah disusun mengikut kategori bandar, separuh bandar dan luar bandar, jika ada nyatakan kriteria yang diguna pakai.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sepenuhnya berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah termasuk jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, maka luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan.

Sekian, terima kasih.